



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **11 Nov2021 (Thursday)**

### **Utusan Malaysia**

Selangor pintar sepenuhnya 2025	1
Tanggung teliti semula ratifikasi CPTPP-DPMM	2
APEC komited percepat pemulihan Asia Pasifik	3

### **Harian Metro**

MBSA Tanpa Tunai mudah, jimat masa	4
Dasar Tenaga Negara tampung keperluan pengguna EV	5

### **Kosmo**

Kosmo!, Utusan Malaysia menang anugerah JAS Selangor	6
--	---

### **Sinar Harian**

Sinar Harian rangkul anugerah video berita alam sekitar terbaik	7
10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING	8
Selangor berjaya batal cadangan pembinaan STC	9
Realisasi impian golongan asnaf	10

### **The Star**

MARKET CLOSURE	11
Be resilient to stay sustainable, MB tells civil servants	12
'Legalise business before year end'	13
Fifth business summit to go hybrid	14
Strong electric supply a must before greater use of EV, says Azmin	15

### **New Straits Times**

Pipe repair in Jalan Lingkaran Tengah 2 done	16
--	----

### **The Edge CEO Morning Brief**

EPU formulating policy to ensure adequate electricity supply to meet EV demand, says Azmin	17
--	----

### **The Malaysian Reserve**

28,000 civil servants not vaccinated	18
--------------------------------------	----

### **China Press**

The burst water pipe near the MRR2 highway was repaired, the water supply in the Kuala Lumpur area was gradually restored.	19
--	----

### **Sin Chew Daily**

150-minutes thunder storm in Shah Alam; 3 cars crushed and roof damaged by fallen tree	20
"Dry detention pond" to begin for solving flood problems that plagued locals for 20 years	21
Sungai Langat riverbank project completed; Hee Loy Sian : No flood reported in 3 areas	22

### **Nanyang Siang Pau**

5 local governments in Selangor won KPKT sustainable development city award	23
---	----



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor pintar sepenuhnya 2025
Muka Surat	:	18



# Selangor pintar sepenuhnya 2025

## MUKADIMAH

IMPIAN Selangor menjadi negeri berdaya huni bertaraf dunia dilengkapi infrastruktur kelas pertama berasaskan penggunaan teknologi digital hampir menjadi kenyataan menerusi usaha kerajaan negeri di bawah program Smart Selangor. Program yang sering disebut dan dijadikan rujukan ini sedang dilaksanakan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), sebuah anak syarikat milik penuh kerajaan negeri.

Menurut Pengarah Urusan SSDU, **DR. FAHMI NGAH**, konsep *smart state* (negeri pintar) yang pertama kalinya diperkenalkan bukan sahaja mampu mengubah kualiti sistem penyampaian perkhidmatan digital kerajaan negeri tetapi juga akan merubah gaya hidup rakyat ke arah lebih sejahtera, inklusif, harmoni dan menjamin kelestarian alam sekitar.

Ikuti temu bual beliau bersama wartawan *Utusan Malaysia*, **AQILAH MIOR KAMARULBAID** dan jurufoto, **AFIQ RAZALI** di pejabatnya di Shah Alam, baru-baru ini.

## UTUSAN: Boleh kongsi secara ringkas mengenai Smart Selangor?

**FAHMI:** Program ini untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah *smart state* yang berdaya huni di ASEAN pada 2025. Penggunaan terma *smart state* adalah lebih tepat berbanding negeri pintar kerana istilah negeri pintar tidak mencakupi keseluruhan maksud *smart* yang bukan sahaja bermaksud pintar tetapi juga segar dan kemas.

Konsep *smart state* yang diperkenalkan ini adalah unik daripada konsep *smart cities* (bandar pintar) yang sedang dibangunkan oleh beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT). *Smart state* akan memperkasakan lagi tahap perkhidmatan kerajaan di *smart cities* menerusi penggabungan dan perkongsian data antara kerajaan negeri dan PBT dengan penggunaan beberapa infrastruktur digital terpilih secara berpusat.

Program yang direncanakan seawal 2016 menerusi *Blueprint Smart Selangor* ini diberikan nafas baharu pada 2020 di bawah pentadbiran Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari yang mahukan program ini diberikan lebih fokus agar sasaran 2025 itu dapat dicapai sepenuhnya.

## Bagaimana perkembangannya sehingga hari ini?

Daripada 60 inisiatif yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan Smart Selangor 2025, 60 peratus telah dibangunkan manakala pelaksanaannya untuk seluruh Selangor hanyalah pada tahap 35 peratus pada masa ini. Pelaksanaan ini sedikit terbantu akibat kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang 2020 dan 2021.

Antara contoh awal inisiatif Smart Selangor yang telah dilaksanakan untuk penggunaan di seluruh Selangor adalah penggunaan aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) yang hari ini mempunyai sejumlah 1.8 juta pengguna, penggunaan sistem Intelligent Response Selangor (i-RS) oleh 39 entiti kerajaan negeri untuk pengurusan pelaporan dan penampalan jalan berlubang yang menggunakan kaedah pelaporan awam dari pelbagai saluran seperti panggilan telefon, Waze dan sebagainya dan penggunaan aplikasi Selangor Intelligent Transport System (SITS) yang memaklumkan waktu ketibaan bas Smart Selangor di perhentian bas.

## Adakah sistem ini diterima baik penduduk?

Setakat ini orang ramai menyambut baik dan menggunakan aplikasi serta

kemudahan ini. Sebagai contoh, aplikasi SSP sahaja mempunyai 1.8 juta pengguna di kawasan bandar dan luar bandar. Perhentian bas Smart Selangor juga mencatatkan jumlah pengunjung seramai 600 orang sehari sebelum tercetusnya pandemik Covid-19.

## Cabaran pelaksanaan?

Cabaran untuk melaksanakan inisiatif Smart Selangor ini ada dua. Pertama, untuk membangunkan sebuah pelan atau *blueprint* yang harus mengambil kira keperluan dan keutamaan rakyat pelbagai peringkat. Ini juga memerlukan sedikit kajian mengenai konsep-konsep luar yang boleh digunakan untuk dilaksanakan di Selangor. Kedua, yang pula adalah pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan itu ke pelbagai peringkat pentadbiran kerajaan negeri agar tahap perkhidmatan yang lebih baik dapat dirasai rakyat. Ini hanya boleh berlaku dengan adanya kerjasama dan tahap kepercayaan yang baik di antara SSDU dan penjawat awam pelbagai peringkat.

## Sudahkah rakyat Selangor bersedia ke arah digital sepenuhnya?

Saya berpendapat majoriti rakyat Selangor amat mengharapkan suatu pembaharuan untuk tahap perkhidmatan dan kualiti

hidup lebih baik. Saya percaya Smart Selangor dapat memenuhi harapan mereka, setidak-tidaknya sebagai suatu identiti atau paradigma baharu yang hanya ada di Selangor yang boleh menjadi kebanggaan rakyat Selangor.

## INISIATIF TERBAHARU

### Apa perancangan terbaharu?

Beberapa perancangan telah dirancang dan akan dijayakan, antaranya:

### E-kupon parkir

Bermula 1 Januari tahun depan, kerajaan negeri tidak akan membenarkan lagi penggunaan kupon kertas dan mesin syiling untuk membayar parkir di tempat letak kereta *on-street*. Pengguna boleh membayar menerusi aplikasi SSP ataupun e-kupon yang bakal diperkenalkan nanti.

Satu program latihan dan lantikan ejen-ejen e-kupon sedang dilaksanakan di setiap kawasan PBT agar ejen-ejen kupon kertas ini dapat dilatih untuk menjadi ejen e-kupon pula.

Dengan cara ini, hasrat untuk merealisasikan perkhidmatan parkir berasaskan digital akan dapat dilaksanakan sepenuhnya di Selangor.

### E-bike

Kita sedang meneliti pelaksanaan motosikal elektrik

(*e-bike*) yang boleh disewa awam. Langkah ini selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk mencapai sasaran Bandar Rendah Karbon dengan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik. Ia akan dimulakan untuk peringkat awal di Shah Alam dan Cyberjaya dengan sasaran sebanyak 200,000 motosikal elektrik menjelang 2025.

### Kitar Semula Berbayar

Satu program kitar semula berbayar akan diwujudkan pada awal tahun depan. Program ini akan membolehkan penduduk menawarkan bahan kitar semula terpilih untuk dibeli oleh pengusaha-pengusaha bahan kitar semula setempat menerusi suatu aplikasi. Ini akan merealisasikan konsep *Waste is wealth* dan meningkatkan lagi kadar kitar semula negeri kepada sasaran 30 peratus pada 2025 nanti.

### Harapan anda?

Semoga pemegang taruh di kerajaan negeri, agensi, badan berkanun dan anak syarikat terus memberikan komitmen untuk menjayakan program ini. Di samping itu, kita berharap agar rakyat Selangor akan terus menyokong usaha ini untuk kita sama-sama merealisasikan visi Smart Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai *smart state* yang berdaya huni di ASEAN pada 2025 nanti.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tanggung teliti semula ratifikasi CPTPP-DPMM
Muka Surat	:	34

## Tanggung, teliti semula ratifikasi CPTPP - DPMM

**PETALING JAYA:** Kerajaan digesa menangguhkan proses meratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan mengambil masa mengkaji serta meneliti kesan daripada perjanjian tersebut.

Menurut Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Abdul Halim Husin, langkah itu perlu agar tidak menjadi penghalang kepada semua perusahaan tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk pulih dan bergerak ke hadapan dalam pascapandemik ini.

Ujarnya, antara sebab kerajaan perlu menangguhkan perjanjian bebas itu adalah kerana Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara di mana Ma-

### Jangka ratifikasi CPTPP tahun depan



**UTUSAN Malaysia**  
semalam.

laysia tidak dapat mengubah pelaburan dari luar, sekali gus menjadikan tindakan afirmatif untuk peniaga Melayu tidak dapat dijalankan.

"Apabila CPTPP dilaksanakan, memang Malaysia menjadi lebih bebas untuk mendapatkan pelaburan asing namun sekiranya pergerakan mereka terlalu

bebas, ini mengakibatkan PKS rasa tertekan.

"Ini kerana, PKS yang mendapat keuntungan adalah mereka yang telah mengeksport produk ke negara ahli CPTPP lain sedangkan PKS yang telah mengembangkan perniagaan ke luar negara adalah sangat kecil iaitu hanya 8.5 peratus perusahaan.

"Kebanyakan PKS tempatan membekalkan perkhidmatan, jadi ia lebih kepada pasaran tempatan sahaja. Justeru, kerajaan perlu mengkaji semula adakah perjanjian mega ini memberi kelebihan kepada perniagaan tempatan secara menyeluruh," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Tambah beliau, kerajaan seharusnya memfokuskan pemulihan ekonomi rakyat teru-

tamanya PKS tempatan terlebih dahulu kerana pandemik Covid-19 telah menyaksikan banyak perniagaan gulung tikar dan memerlukan bantuan untuk terus beroperasi.

"Jika perjanjian tersebut diratifikasi, DPMM khuatir lambakan produk luar negara akan memberi tekanan lebih besar dalam situasi sukar ini," ujarnya.

Kelmarin, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memaklumkan Malaysia dijangka dapat meratifikasi CPTPP seawal pertengahan tahun depan.

Kata beliau, ia berikutan kajian analisis kos faedah (CBA) perjanjian itu yang dijangka dapat dimuktamadkan pada akhir tahun ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	APEC komited percepat pemulihan Asia Pasifik
Muka Surat	:	35

# APEC komited percepat pemulihan Asia Pasifik

**PETALING JAYA:** Anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) terus komited untuk menggandakan usaha mereka dalam mempercepat pemulihan perdagangan di rantau tersebut.

Dalam kenyataan bersama oleh semua 21 menteri pada Mesyuarat Menteri (AMM) APEC Ke-32 yang diadakan pada 8 dan 9 November, para menteri mengakui kepentingan dasar ekonomi dan perdagangan yang mengukuhkan pemulihan melalui dasar makroekonomi dan pembaharuan struktur.

Justeru, mereka menegaskan semula sokongan terhadap sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan untuk perdagangan dan pelaburan yang lancar.

Ia sejajar dengan tema uta-



### Asia-Pacific Economic Cooperation

ma APEC 2021 iaitu *Join, Work, Grow. Together* yang diperkenalkan oleh New Zealand selaku Pengerusi APEC 2021.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika AMM menekankan, multilateralisme vaksin adalah penting sebagai batu loncatan untuk pemulihan segera dan pembinaan semula ekonomi yang berterusan.

“Perdagangan bebas, adil dan terbuka adalah penting dalam

membolehkan akses yang saksama, berpatutan dan tepat pada masanya adalah sama penting dengan keperluan vaksin, terutamanya untuk ekonomi membangun,” katanya.

Dengan Persidangan Menteri-Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ke-12 bersidang di Geneva akhir bulan ini, beliau berkata, adalah penting mencari jalan tengah bagi isu-isu lama untuk memulihkan keyakinan global.

Malaysia juga menyatakan pandangan bahawa perjuangan menentang Covid-19 memerlukan pendekatan kreatif di luar kebiasaan dan memerlukan campur tangan tegas oleh WTO, termasuk kemungkinan penepian peruntukan tertentu Perjanjian Hak Harta Intelekt Berkaitan Perdagangan (TRIPS).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MBSA Tanpa Tunai mudah, jimat masa
Muka Surat	:	26



ZAMANI (kiri) menyempurnakan Majlis Pelancaran MBSA Tanpa Tunai di Dewan Auditorium MBSA.

## *MBSA Tanpa Tunai mudah, jimat masa*

**Shah Alam:** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan MBSA Tanpa Tunai dalam usaha menambah baik kaedah penerimaan bayaran daripada orang ramai menjelang tahun hadapan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, inisiatif pembayaran tanpa tunai itu menyediakan mod pembayaran secara atas talian seperti Perbankan Internet, Terminal Kad, JomPAY, SnapNPAY, EPS, Kiosk dan PBTPay.

Katanya, selain memberi

kemudahan pembayaran lebih fleksibel kepada orang ramai, inisiatif ini juga menyokong ke arah komuniti tanpa tunai dan ke arah mewujudkan kehidupan masyarakat berdigital.

"MBSA menambah beberapa inisiatif seperti menambahkan mod bayaran atas talian melalui saluran <https://eps.mbsa.gov.my/> dengan menambah baik sistem EPS bagi membolehkan semua bil Majlis dibayar secara atas talian.

"MBSA juga menyediakan QR Code/Biller Code di se-

mua bil MBSA bagi memudahkan pelanggan membuat bayaran secara atas talian menggunakan aplikasi SnapNPAY, JomPAY.

"MBSA turut menambahkan mod bayaran e-wallet di semua kios bayaran Majlis seperti eTnG, Grab Pay, QR Pay, Boost dan sebagainya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, katanya, MBSA juga memasang 30 terminal pembayaran *Cashless & Contactless* dilengkapi sistem *built in MyDebit* dan e-wallet seperti Touch n Go, QR-Pay, GrabPay, Boost di kaun-

ter Utama, Pejabat Cawangan dan Kaunter Pandu Lalu MBSA.

"MBSA berharap inisiatif ini memudahkan serta menjimatkan masa orang ramai berurusan di MBSA di samping mempromosikan amalan gaya hidup baharu komuniti tanpa tunai menjelang tahun depan," katanya.

Katanya, Majlis Pelancaran MBSA Tanpa Tunai disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad, Mansor di Dewan Auditorium MBSA, Seksyen 14 di sini, kelmarin.





## KERATAN AKHBAR

11 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dasar Tenaga Negara tampung keperluan pengguna EV
Muka Surat	:	29

# Dasar Tenaga Negara tampung keperluan pengguna EV

**Kuala Lumpur:** Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri sedang merangka Dasar Tenaga Negara bagi memastikan aspek berkaitan bekalan elektrik negara mampu menampung keperluan pengguna kenderaan elektrik (EV) selain sektor perindustrian dan isi rumah.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memberitahu Dewan Rakyat semalam, keperluan penggunaan tenaga negara itu perlu diberi perhatian serius dari segi peralihan kepada kenderaan

EV atau kenderaan cekap tenaga (EEV) bagi menggantikan kenderaan yang dijana secara enjin pembakaran dalaman (ICE).

“EPU merangka dasar tenaga negara untuk memastikan bekalan mencukupi dan peralihan kepada EEV dan industri EV ini perlu dibuat secara berhati-hati.

“Antara langkah kerajaan lakukan sekarang ialah menggalakkan pengeluaran dan pemasangan EEV yang turut merangkumi elektrik dan hibrid,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Pas-Bachok).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **11 November 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kosmo!, Utusan Malaysia menang anugerah JAS Selangor
Muka Surat	:	17

# *Kosmo!, Utusan Malaysia* menang anugerah JAS Selangor

**ANUGERAH.** Wartawan *Kosmo!*, Mohd. Yunus Yakkub memenangi kategori media cetak terbaik bagi bahasa Melayu pada Malam Apresiasi Media Alam Sekitar Negeri Selangor kelmarin.

Beliau yang juga wakil *Kosmo!* negeri Selangor membawa pulang wang tunai RM1,000, plak, sijil penghargaan dan barangan elektrik.

Sementara itu, wartawan *Utusan Malaysia*, Mohamad Hafiz Yusoff Bakri Mohamad

Hafiz Yusoff Bakri turut terpilih memenangi hadiah saguhati bagi kategori sama dengan meraih wang tunai RM500 serta sijil penghargaan.

Penyampaian hadiah disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Wan Abdul Latiff Wan Jaffar.



**YUNUS (kiri) menerima replika cek daripada Loy Sian pada majlis Malam Apresiasi Media Alam Sekitar Negeri Selangor di Shah Alam kelmarin.**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

11 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sinar Harian rangkul anugerah video berita alam sekitar terbaik
Muka Surat	:	15

# *Sinar Harian* rangkul anugerah video berita alam sekitar terbaik

**SHAH ALAM** - Wartawan *Sinar Harian* memenangi anugerah kategori Media Elektronik bagi Apresiasi Media Alam Sekitar Negeri Selangor sempena Hari Alam Sekitar Negara 2021.

Engku Shariful Azni menerusi laporan Sinar TV bertajuk 'Hutan Langat Terbakar' berdurasi 3.17 minit itu melaporkan mengenai Hutan Simpan Kuala Langat Selatan (HSKLS) yang terbakar akibat aktiviti pembakaran haram secara terbuka pada Mac lalu.

Video tersebut turut melaporkan sebanyak 16 titik panas kembali dikesan dalam keluasan 26 hektar akibat cuaca panas dan berangin serta keadaan tanah gambut menjadi punca kebakaran tersebar luas dan mengambil masa lima hari

untuk dipadamkan.

Program yang julung kali dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor turut memberi penghargaan kepada media di negeri ini melalui kategori Gambar Alam Sekitar Terbaik, Artikel Terbaik, Media Cetak Terbaik dan Portal Terbaik.

Majlis penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang disempurnakan oleh Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian di sini pada Selasa.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Alam Sekitar, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar dan Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar.



Loy Sian (tengah) menyerahkan replika cek kepada Wartawan *Sinar Harian*, Engku Shariful Azni yang memenangi anugerah kategori Media Elektronik bagi Apresiasi Media Alam Sekitar Negeri Selangor di Shah Alam pada Selasa.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

11 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING
Muka Surat	:	18

# 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG RABU

- 1** KERANA PERTALIAN DARAH, NAZIR URUS DUIT NAJIB AKHIRNYA MENYESAL
- 2** 'SAMPAI BILA RAKSASA BERKEPALA TIGA AKAN GANGGU MALAYSIA?'
- 3** KWSP SEPATUTNYA DIGUNAKAN SEBAGAI PILIHAN AKHIR
- 4** POLIS SIASAT VIDEO TAMAN TEMA SESAK, PENGUNJUNG LANGGAR SOP
- 5** LELAKI MAUT DIGILIS LORI SELEPAS KELAR LEHER IBU
- 6** ANGGOTA POLIS CEDERA DILASTIK BATU BERTUBI-TUBI
- 7** FARZANA NAFI BERHENTI BELAJAR, YAKIN MAMPU BAHAGI MASA
- 8** ADUN JERAM AGIH 2,000 SIAKAP PERCUMA SABTU INI
- 9** AMARAN CUACA BAHAYA DI KELANTAN
- 10** KESIAN TUK SERI PM



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**11 November 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor berjaya batal cadangan pembinaan STC
Muka Surat	:	31

## Selangor berjaya batal cadangan pembinaan STC

**PUTRAJAYA** - Kerajaan Selangor berjaya dalam rayuannya untuk membatalkan pelaksanaan cadangan pembinaan Selangor Turf Club (STC) termasuk bagi membina Pusat Sukan Equestrian (ESC) yang melibatkan judi lumba kuda antara terbesar di Asia di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Peguam, Datuk Kamaruzaman Arif memaklumkan, Mahkamah Rayuan dalam keputusannya pada 3 November lalu telah mengetepikan perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam bertarikh 9 November 2017 yang membenarkan semakan kehakiman Berjaya Land Berhad dan dua lagi terhadap kerajaan Selangor serta satu pihak lain.

“Panel hakim Mahkamah Rayuan mendapati tidak wujud suatu pengharapan sah terhadap responden,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, keputusan sebulat suara itu dibuat tiga panel Hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan oleh Datuk Lee Swee Seng yang turut memerintahkan responden membayar kos RM20,000 kepada kerajaan Selangor.

Turut bersidang, Hakim Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali dan Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Realisasi impian golongan asnaf
Muka Surat	:	33

# Realisasi impian golongan asnaf

## Kerjasama TNB, PKNS bantu 18 penerima miliki kediaman

Oleh ASYRAF MUHAMMAD Foto HALIM WAHID



Ahmad Rezahan (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah kepada salah seorang penerima dalam majlis yang berlangsung di Dewan Astee, Ibu Pejabat PKNS, pada Selasa.



Mohd Ali (kanan) berbincang sesuatu bersama dua lagi penerima inisiatif itu selepas majlis penyerahan replika kunci rumah.

Impian lima golongan asnaf memiliki kediaman sendiri menjadi realiti selepas menerima kunci kediaman yang diserahkan secara rasmi selepas terpilih menerusi program Better Brighter Home@Projek Baiti Jainati TNB.

Seorang bapa tunggal, Mohd Ali Lajis, 71, akui sedih bercampur terharu kerana tidak menyangka hasratnya untuk memiliki rumah sendiri akhirnya tercapai.

Dia yang tinggal bersama anaknya berusia 21 tahun di kawasan setinggan berhampiran Kampung Jaya di Petaling Jaya, turut meluahkan rasa syukur di atas pemberian sumbangan berkenaan.

"Perasaan saya bercampur baur kerana beranggapan tidak akan mampu beli rumah. Alhamdulillah ada juga pihak yang sudi mengurangkan bebanan kami untuk dapat kediaman sendiri," katanya.

Salah seorang lagi penerima, Md Rabiee Moktar, 45, pula menyifatkan sumbangan yang diterima itu amat bermakna dan membantu mereka sekeluarga.

Sebelum ini dia terpaksa berhenti bekerja sebagai pemandu peribadi kerana menghidap beberapa penyakit kronik.

Bapa kepada lapan cahaya mata itu turut berharap agar program berkenaan diteruskan bagi membolehkan lebih ramai asnaf yang memerlukan dapat dibantu.

"Saya amat bersyukur di atas pemberian ini dan terima kasih kepada pihak terlibat yang membantu kami untuk mendapat rumah sendiri," katanya.

Nada sama turut diluahkan seorang warga emas, Rohaya Mat Jaie, 64, yang bersyukur di atas sumbangan berkenaan selepas rumahnya sebelum ini mengalami banyak kerosakan dan perlu ditambah baik.

Antara kerosakan yang dialami turut melibatkan sistem pendawaian manakala tandas pula sering tersumbat. "Alhamdulillah, terima kasih atas sumbangan ini dan saya sebenarnya masih terkejut apabila ada pihak sanggup membantu nasib kami sekeluarga," katanya.

Mereka antara lima penerima dalam kalangan asnaf yang dipilih

bagi membeli kediaman sendiri di Pangsapuri Kuang Raya menerusi peruntukan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM50,000 setiap seorang.

Selain itu, 13 penerima lain turut dipilih bagi melunaskan baki bayaran kediaman mereka.

Ke semua mereka diraikan dalam satu Majlis Penyerahan, Replika Kunci dan Bakul Makanan Kepada Penerima Program Better Brighter Home@Projek Baiti Jainati TNB di Dewan Aster, Ibu Pejabat PKNS di sini pada Selasa.

### JALIN KERJASAMA

TNB meneruskan kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menerusi program Better Brighter Home@Projek Baiti Jainati yang kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya.

Pengurus Besar State Stakeholders Selangor/Kuala Lumpur/Putrajaya/Cyberjaya, Bahagian Regulatory & Stakeholder Management TNB, Ir Ahmad Rezahan Mohammad berkata, pemilihan PKNS untuk menjayakan program itu berikutan kesediaan mereka dalam memudahkan urusan untuk membantu golongan asnaf memiliki kediaman sendiri.

"Inisiatif menerusi program ini merupakan satu kesinambungan bersama PKNS yang sebelum ini terpaksa ditangguhkan penyerahannya

berikutan pandemik Covid-19," katanya yang ditemui selepas majlis penyerahan kunci kediaman.

Mengulas lanjut, Ahmad Rezahan berkata, sepanjang tahun 2020 dan 2021, TNB telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM2.5 juta bagi melaksanakan inisiatif tersebut.

Pihaknya turut mempunyai perancangan untuk meneruskan lagi kerjasama itu dengan PKNS selepas ini bagi membolehkan lebih ramai lagi golongan asnaf dibantu untuk memiliki kediaman sendiri.

"Sebenarnya, ramai lagi asnaf yang kami cuba bantu namun kerjasama ini tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan dan inisiatif ini akan disambung semula untuk tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Korporat PKNS, Idris Ishak berkata, pihaknya menyambut baik pelaksanaan inisiatif berkenaan dan turut berhasrat untuk menjadikannya sebagai program tahunan mereka.

Menurutnya, melalui pelaksanaan itu setiap penerima akan mendapat rumah kediaman sendiri dan pembelian perabot asas dengan menggunakan wang zakat TNB dan PKNS.

"Objektif program sebegini memerlukan penglibatan pelbagai pihak untuk sama-sama membuat menyediakan perumahan buat golongan asnaf," katanya.



IDRIS



AHMAD REZHAN

**Sebenarnya, ramai lagi asnaf yang kami cuba bantu namun kerjasama ini tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan dan inisiatif ini akan disambung semula untuk tahun akan datang."**



Ahmad Rezahan (dua dari kanan) dan Idris (kiri) bertukar cenderahati selepas program tersebut.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**11 November 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MARKET CLOSURE
Muka Surat	:	2

## **MARKET CLOSURE**

Several wet markets in Klang district will be closed for cleaning and sanitisation work. Pasar Besar Jalan Meru Complex together with the Block PKNS shoplots will be closed on Nov 15 and 29 while the Port Klang market will be closed on Nov 16 and 30. Pandamaran wet market will be closed on Nov 17 and the Pekan Kapar market will be closed on Nov 18.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Be resilient to stay sustainable, MB tells civil servants
Muka Surat	:	4

## Be resilient to stay sustainable, MB tells civil servants

SELANGOR'S civil service should be resilient to ensure the state continues to excel on all fronts, says Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

Amirudin, who was addressing civil servants during the monthly assembly at the State Secretariat building in Shah Alam, Selangor, urged those in public service to persevere in the face of challenges.

He said the state government had made efforts to push for digitalisation in various sectors, which had paid dividends during the Covid-19 pandemic.

He also urged civil servants to adopt a self-reliant attitude.

"Those measures have led to sustainability in times of economic uncertainty during the Covid-19 pandemic.

